

KUALITI MODAL INSAN DALAM KALANGAN BELIA MALAYSIA

[QUALITY OF HUMAN CAPITAL AMONG MALAYSIAN YOUTH]

SITI AISYAH IBRAHIM^{1*}, NUR MADIHAH RUSLI¹, NURUL SAKINAH AZIZ¹ & MAHZAN AWANG

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: p102556@siswa.ukm.edu.my

Received: 30 November 2021

Accepted: 11 December 2021

Published: 1 January 2022

Abstrak: Belia merupakan tonggak utama dalam mencorak pembangunan negara. Dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0, kualiti modal insan menjadi kayu ukur dan taruhan bagi memastikan negara terus maju dan berdaya saing. Namun, kajian berkenaan kualiti modal insan di kalangan belia Malaysia masih kurang diberi perhatian. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat tahap kualiti modal insan dalam kalangan belia serta menganalisis hubungannya dengan faktor jantina, lokasi dan taraf pendidikan. Metodologi kajian ini berbentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan menggunakan soal selidik secara atas talian menggunakan platform *Google Forms*. Seramai 110 orang responden yang merupakan belia warganegara Malaysia berumur 18-40 tahun telah menjawab soal selidik ini. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kualiti modal insan dalam aspek kerohanian, kepimpinan sosial, pengetahuan akademik, kerjaya dan undang-undang dalam kalangan belia berada pada tahap yang tinggi. Hipotesis kajian antara jantina dan lokasi kajian terhadap kualiti modal insan juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Dapatan dalam nilai korelasi menunjukkan tahap kekuatan yang lemah dan tidak signifikan bagi faktor jantina dan taraf pendidikan, manakala bagi faktor lokasi menunjukkan nilai korelasi berada pada tahap kekuatan yang lemah tetapi terdapat signifikan antara mereka. Oleh itu, kajian ini menunjukkan kualiti modal insan dalam aspek yang dikaji berada pada tahap tinggi. Selain itu, cadangan dan idea bagi kajian akan datang telah dinyatakan di akhir kajian dalam menjadikan modal insan di Malaysia adalah berkualiti dan memberi kebaikan terhadap semua sektor.

Kata kunci: Media sosial, *influencer*, estim sendiri, pelajar remaja

Abstract: Youths are the main pillars in shaping the nation's development. In facing the challenges of Industrial Revolution 4.0, the quality of human capital becomes a benchmark and a bet to ensure that the country remains developed and competitive. However, studies on the quality of human capital among Malaysian youths are still underserved. In this regard, this study aims to look at the quality of human capital among youths as well as to analyze its relationship with gender, location and educational status. The methodology of this study is in the form of quantity through survey method using online questionnaires using google forms platform. A total of 110 respondents who are Malaysian youth aged 18-40 years have answered this questionnaire. The results of the study found that the level of quality of human capital in the aspects of spirituality, social leadership, academic knowledge, career and law among youths is at a high level. The study hypothesis between the sexes and the location of the study on the quality of human capital also found no significant difference. The findings in correlation values showed a weak and insignificant level of strength for gender factors and educational standards, while location factors showed correlation

values were at weak but significant levels of strength between them. Therefore, this study shows that the quality of human capital in the aspects studied is at a high level. In addition, the recommendations and ideas for future studies have been set out at the end of the study in making human capital in Malaysia quality and beneficial to all sectors.

Keywords: human capital, quality of human capital, youth, impact of mass media.

Cite This Article:

Siti Aisyah Ibrahim, Nur Madidah Rusli, Nurul Sakinah Aziz & Mahzan Awang. 2022. Kualiti Modal Insan dalam Kalangan Belia Malaysia [Quality of Human Capital among Malaysian Youth]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 19-42.

PENDAHULUAN

Belia merupakan aset negara yang paling penting bagi memastikan kesejahteraan dan kejayaan negara pada masa hadapan. Belia merupakan tonggak utama dalam memastikan negara kita maju dan seiring dengan negara luar tidak kira dari aspek ekonomi, pendidikan, teknologi, politik mahupun sosial. Menuju negara yang berwawasan, hasrat dan matlamat negara adalah untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan produktif kepada negara. Namun begitu, pada era ini, terdapat pelbagai masalah yang menyumbang kepada perkara negatif yang melibatkan golongan belia. Menurut Haryati et al. (2009), terdapat perubahan pola sikap, budaya dan pemikiran golongan belia yang membimbangkan rentetan daripada terjebaknya golongan belia dalam aktiviti yang tidak bermoral. Perkara ini amat membimbangkan kerana menjadi suatu cabaran dalam memastikan kesejahteraan negara dapat dimajukan oleh golongan belia. Usaha memperkasakan modal insan perlu dilakukan melalui peningkatan keupayaan dan kompetensi individu itu sendiri. Dalam memperkasakan modal insan dalam kalangan belia, aspek pengetahuan kemahiran bukanlah satu-satunya aspek yang perlu ditekankan kerana masih terdapat aspek-aspek lain yang perlu dititikberatkan.

Berdasarkan kajian kualiti modal insan oleh Hamid (2016), menunjukkan bahawa salah satu penyebab berlakunya keruntuhan akhlak remaja masa kini adalah hasil daripada bahan dan rancangan yang dipaparkan oleh media massa dalam negara. Pengaruh media massa sememangnya mempunyai pengaruh yang tinggi di Malaysia kerana menurut kajian Ali (2012) dalam Nor Shela Saleha (2020), data yang dikongsikan oleh *Global Web Indeks* pada tahun 2011 menunjukkan negara Malaysia merupakan antara negara yang paling aktif dalam menggunakan laman media sosial dalam pelbagai hal. Walaupun begitu terdapat kajian yang menunjukkan kesan positif dari penggunaan media massa iaitu dalam kajian Anuar Hasin dan Norazman Alias (2021) yang menyatakan media sosial menjadi platform pilihan bagi golongan remaja terutamanya dalam meneroka tentang sesuatu perkara di mana platform seperti Instagram, Facebook, WhatsApp dan YouTube telah digunakan dengan cara yang bermanfaat seperti medium penyampaian ilmu dan lain-lain. Medium-medium ini telah digunakan secara meluas bukan sahaja di Malaysia, bahkan di seluruh dunia. Hal ini boleh dijelaskan melalui penulisan Noor Omar (2017) dalam (Ibrahim 2021)

yang memetik hadis Rasulullah SAW, riwayat at-Tirmizi iaitu suatu zaman masa menjadi singkat, jarak sudah menjadi dekat dan komunikasi pula menjadi lebih rapat.

Seterusnya, berdasarkan faktor-faktor penyumbang yang dinilai dalam pembentukan kualiti modal insan dalam kajian lepas, faktor penyumbang yang dilihat mempengaruhi kesan yang besar kepada kualiti modal insan adalah daripada aspek kerohanian. Kenyataan ini boleh dirujuk melalui pernyataan Tan Sri Dr Abdullah Muhammad Zin (2017) bahawa kestabilan dan keteguhan sebuah negara bergantung kepada kekuatan jati diri rakyatnya. Hal ini demikian kerana, apabila masyarakat dijangkiti penyakit sosial, maka kehidupan mereka adalah semata-mata untuk mengejar kemewahan dan keseronokan hawa nafsu yang mampu menyebabkan mereka berpecah-belah. Seterusnya menjadikan negara menuju kepada kehancuran. Oleh itu, nilai kerohanian membolehkan manusia mempunyai akhlak dan tingkah laku yang baik serta mampu membuatkan seseorang itu memelihara nilai-nilai tersebut walau apa juga perubahan yang berlaku di persekitarannya. Oleh itu, kemakmuran sesebuah negara menjadi penanda aras kepada kemajuan negara dalam membentuk tamadun yang berjaya di dalam aspek kehidupan.

Terdapat kajian lepas juga yang membincangkan bahawa peranan ibu bapa dan keluarga adalah sangat penting dalam pembentukan kualiti modal insan yang baik. Hal ini boleh dirujuk melalui Yahaya (2017) dalam (Habibie et al. 2018) yang menyatakan, terdapat ibu bapa yang beranggapan bahawa mereka berasa cukup dalam menjalankan tanggungjawab kepada anak-anak dengan hanya menyediakan keperluan makanan dan tempat tinggal yang selesa tetapi tidak menunjukkan keprihatinan yang tinggi terhadap didikan, asuhan, bimbingan, nasihat dan lain-lain kepada anak mereka. Berdasarkan kajian lepas juga menunjukkan, Malaysia memerlukan usaha yang lebih lagi dalam merealisasikan kelahiran modal insan yang berjaya kerana menurut Haryati Shafii et al. (2009) bahawa perubahan pola sikap, budaya dan pemikiran golongan belia kini semakin membimbangkan. Hal ini demikian kerana golongan belia mudah terpengaruh dengan anasir-anasir dari luar yang menyebabkan ramai di antara mereka terjebak dengan aktiviti-aktiviti tidak sihat seperti penagihan dadah, pelacuran, lumba haram serta mahukan kehidupan *glamour*.

Berdasarkan kajian lepas di atas, kajian empirikal berkaitan tahap kualiti modal insan masih kurang diberi perhatian khususnya terhadap belia Malaysia. Selain itu, kualiti modal insan hanya dibincangkan hanya secara umum dalam penulisan mereka dan kualiti-kualiti yang dibincangkan pula adakalanya terdapat beberapa perbezaan bergantung kepada penulis. Misalnya ada kajian yang mengatakan faktor kesihatan juga penting bagi setiap individu dalam membentuk modal insan (Makhbul & Latif, 2017), manakala ada kajian lain yang tidak pula membincangkannya. Hal ini, turut selari dengan apa yang dikemukakan oleh Lan Nguyen et al. (2018) dalam kajiannya bahawa kriteria kualiti modal insan bergantung kepada pemilihan penulis. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat satu kayu ukur atau standard piawai khas yang diguna pakai bagi mengukur tahap kualiti modal insan ini khususnya bagi mengukur tahap kualiti modal insan di Malaysia.

Kajian mengenai kualiti modal insan di kalangan belia yang terdiri dari aspek kerohanian, kepimpinan dan tanggungjawab sosial, pengetahuan akademik, kerjaya dan undang-undang telah dikaji dalam kajian ini. Faktor-faktor yang dikaji telah dibincangkan dalam kajian lepas seperti yang dilakukan oleh Siti Marliza (2012a) yang menyatakan bahawa aspek yang dikaji bagi

membangunkan modal insan berminda kelas pertama adalah terdiri dari aspek pembangunan kerohanian, tanggungjawab kepimpinan sosial, pengetahuan akademik dan kemahiran kerjaya. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat tahap kualiti modal insan belia berdasarkan kelima-lima aspek ini dan bagi melihat hubungannya dengan faktor jantina, lokasi dan taraf pendidikan.

TINJAUAN LITERATUR

Belia Malaysia

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah belia pada 2018 adalah seramai 15.1 juta iaitu 46.64 peratus daripada keseluruhan penduduk di Malaysia dimana ia menghampiri hampir separuh penduduk Malaysia. Melalui Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668), belia didefinisikan sebagai individu warganegara Malaysia yang berada dalam lingkungan usia 15 hingga 40 tahun (Yusof, Yahya & Mohamad 2015). Namun, penetapan had umur yang diletakkan acapkali didebatkan sehingga pada tahun 2019, Dewan Negara telah meluluskan untuk menurunkan had umur dalam takrif belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun. Namun, secara rasminya, pelan transisi had umur belia itu hanya akan bermula pada akhir Disember 2021. Biarpun sering mengalami perubahan, namun menurut Ismail, Md Nor & Adnan (2019) mengatakan bahawa tiada kesan langsung terhadap struktur dan bentuk masyarakat melainkan kesan terhadap hal-hal yang berkaitan dengan program-program pembangunan belia dan pertubuhan-pertubuhan belia (MalaysiaKini, 2019). Perubahan had umur belia ini dilihat sebagai usaha untuk memperkasa golongan ini sejajar dengan transformasi dan perkembangan semasa yang berlaku supaya dapat mengikut standard piawai umur peringkat antarabangsa. Walaupun akta menggariskan had umur belia bermula dari umur 15 tahun, namun dalam kajian ini, responden yang dipilih berumur 18 hingga 40 tahun. Hal ini kerana, mengikut Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21) had umur ini mereka sudah boleh membuat keputusan penting dalam hidup.

Modal Insan

Modal insan dibincangkan dalam artikel ini berdasarkan dari dua perspektif iaitu perspektif barat dan Islam. Berdasarkan perspektif barat, topik modal insan atau "*human capital*" mula dibicarakan pada awalnya dalam bidang berkaitan ekonomi. Adam Smith merupakan pelopor teori ekonomi klasikal melalui penulisannya iaitu "*Wealth of Nation*". Beliau mengatakan bahawa modal adalah benda atau barang seperti bangunan, peralatan dan kenderaan. Manakala insan merujuk kepada tenaga yang dicurahkan (*labour*) atau dengan kata lain bermaksud manusia menggunakan tenaga dan kemampuan diri untuk menghasilkan sesuatu. Beliau berpandangan bahawa modal insan iaitu pekerja perlu memiliki aspek kemahiran, kecekapan fizikal, intelektual, psikologi serta kebolehan membuat keputusan dan pertimbangan (Said, 2007). Kemudian, Arthur Cecil Pigou, profesor ekonomi berpandangan bahawa pelaburan tidak hanya dari aspek modal benda dan fizikal semata-

mata, malahan ia perlu melibatkan pelaburan dalam modal manusia (Pigou, 1949). Seterusnya, ahli ekonomi, Jacob Mincer (1958) dan Gary Becker (1964) telah memperkenalkan penggunaan terma “modal insan” menerusi Teori Modal Insan mereka. Kedua-duanya bersependapat bahawa modal manusia bersamaan dengan wang, harta dan kenderaan yang menjadi faktor kepada proses pengeluaran negara. Gary Becker memperincikan lagi bahawa modal insan adalah merujuk kepada penguasaan seseorang individu terhadap kemahiran, pengetahuan dan kecekapan yang diperolehi hasil usaha proses pendidikan dan latihan (Felicio, Couto & Caiado, 2014).

Menurut perspektif Islam pula, modal insan dirujuk kepada peribadi unggul yang harus dimiliki oleh seseorang insan menerusi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran yang tinggi dan akhlak yang mulia (Ahmad, 2006). Ja'far Shaykh Idris (1977) menjelaskan bahawa membangunkan diri seseorang bermakna membangunkan ciri-ciri yang membentuk intisari manusia. Intisari menurut Islam adalah kebolehan atau potensi yang diberikan kepada manusia diperoleh melalui hakikat penghayatan terhadap rasa kehambaan kepada Allah SWT. Namun begitu, aspek duniawi seperti perihal sosiobudaya dan ekonomi misalnya tidak sesekali dipisahkan dari Islam selagi mana ia berpandukan panduannya. Dalam erti kata lain aspek kebendaan dan kerohanian adalah unsur yang saling melengkapi dalam kehidupan insan apabila pentas dunia ini dimanfaatkan bagi memperoleh kebaikan di akhirat. Dalam membangunkan potensi insan, usaha-usaha berterusan perlu difokuskan melalui penekanan terhadap rukun iman iaitu akidah serta usaha-usaha untuk memberi kebaikan kepada diri, masyarakat dan alam seluruhnya misalnya melalui penguasaan ilmu (Shuhairimi Abdullah et al. 2010).

Jika diteliti, terdapat persamaan dan perbezaan dari kedua-dua perspektif ini. Persamaan dapat dilihat bahawa modal insan dalam kedua-dua perspektif ini memberi penekanan kepada aspek pendidikan, latihan dan nilai (sikap/budaya). Namun, perbezaannya adalah dari sudut pandang semesta worldview terhadap manusia. Perspektif barat melihat bahawa manusia sebagai ‘makhluk ekonomi’ dan fokus hanya kepada aspek fizikal semata-mata berbanding dengan perspektif Islam yang memberi fokus seimbang antara aspek dalaman dan luaran iaitu kesatuan di antara rohani dengan jasmani dan dilengkapi dengan fitrah murni serta nilai-nilai insani. Meskipun terdapat perbezaan pada awalnya, seiring peredaran zaman, barat kini juga turut mengakui dan mengiktiraf unsur spiritualiti yang memberi kesan positif terhadap kualiti modal seperti kajian oleh Sumner (2018), Lehrer (2012) dan Filipova (2009). Justeru, Justeru, dalam kajian ini penumpuan holistik terhadap kedua-dua aspek ini iaitu aspek kerohanian dan fizikal akan dilihat bagi mengukur tahap kualiti modal insan belia.

Komponen Kualiti Modal Insan

Kualiti bermaksud darjah kecemerlangan biasanya yang tinggi dan bermutu (Dewan Bahasa & Pustaka, 2017). Manakala modal insan secara umumnya adalah atribut atau sifat yang dimiliki oleh tenaga kerja dalam organisasi dan keupayaan tenaga kerja itu dalam menyumbang faedah dan nilai ekonomi kepada syarikat (Baron 2011; Dimov 2017; Ornek & Ayas 2015). Berdasarkan tinjauan

literatur, terdapat pelbagai ciri atau komponen modal insan yang telah dibincangkan berdasarkan fokus pengkaji: Jadual 1 dibawah menunjukkan komponen-komponen tersebut:

Kajian	Komponen Modal Insan
Yussof et al. (2009)	Pendidikan, latihan, pengalaman dan kesihatan
Mohd Rashid & Azrini (2012)	Kualiti asas jasmani, emosi, rohani dan intelektual: berjiwa besar dan cita-cita menggunung: mengamalkan al-quran dan al-sunnah atau berakhlak mulia; mempunyai pandangan hidup dan mempunyai keyakinan
Yusof et al. (2012)	Pembangunan sendiri; hubungan sosial; identiti; potensi diri; kesihatan; aktiviti waktu senggang; penggunaan media; bebas tingkah laku devian; kesejahteraan ekonomi; pendidikan; keselamatan; dan sosialisasi politik
Makhbul & Latif (2017)	Pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan pendidikan, kesihatan
Atan, Jalil & Shafiai (2017)	Kemahiran manusia -pendidikan, latihan, kesihatan; keusahawanan; pengetahuan- pengetahuan dan teknologi
Norman et al. (2017)	Sikap, kepimpinan, komunikasi
Wahid (2017)	Intelek, sahsiah, iman
Lan Nguyen et al. (2018)	Pengetahuan, kemahiran, sikap
Zahrin et al. (2019)	Pendidikan, inovasi, cintakan ilmu, personaliti yang baik
Ismail & Daud (2019)	Ilmu, kemahiran, sikap dan berdaya saing
Kuzminov, Sorokin & Froumin (2019)	Kognitif; bukan kognitif- kemahiran dan personaliti; kompetitif
Sima et al. (2020)	Pengetahuan, pekerjaan baru, internet, teknologi, latihan, pendidikan, kemahiran baru, automasi, komunikasi, inovasi, profesional, produktiviti, kecerdasan buatan, digitalisasi,
Ismayilzade et al. (2021)	Kreativiti, inisiatif, aktiviti inovatif, ketahanan tekanan, kepercayaan, kemampuan menyesuaikan diri, mobiliti, dan solidariti dengan kepimpinan, ketahanan tenaga kerja, untuk pembangunan, kemahuan, tenang, berusaha, tahap kecerdasan, kemahiran kognitif,


Jadual 1: Komponen Modal Insan

Hasil analisis berdasarkan komponen yang ditemui memberikan satu gambaran bahawa terdapat *trend* atau perubahan terkini dalam komponen-komponen modal insan bagi mengukur tahap kualiti modal insan. Umumnya, kesemua pengkaji bersetuju bahawa modal insan perlu dilihat dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Dalam masa yang sama, kajian-kajian terkini mula menengahkan aspek kemahiran-kemahiran generik yang diperlukan oleh kehendak / Revolusi Industri 4.0 seperti kemahiran inovasi dan digitalisasi. Di samping itu, terdapat perbezaan ciri-ciri modal insan dilihat diletakkan mengikut konteks kajian pengkaji misalnya seperti konteks sosio budaya dan kepercayaan. Hal ini turut dinyatakan oleh Lan Nguyen et al. (2018) dalam artikelnya bahawa kebanyakan pengkaji memberikan definisi modal insan dengan definisi yang pelbagai serta konsep yang berbeza mengikut konteks kajian masing-masing.

Oleh itu, pemilihan komponen yang dibuat dalam kajian ini mengambil kira aspek latar belakang belia Malaysia yang umumnya hidup beragama serta budaya yang mengamalkan nilai-nilai positif di samping mengambil kira kehendak industri. Justeru, kajian ini akan menumpukan kepada lima komponen kualiti modal insan belia meliputi aspek

- i) Kerohanian
- ii) Pengetahuan
- iii) Undang-undang
- iv) Kerjaya
- v) Kepimpinan dan tanggungjawab sosial.

Rajah 1 menunjukkan gambaran berkenaan pemilihan komponen kualiti modal insan kajian ini.



Rajah 1: Komponen Kualiti Modal Insan Belia

Komponen-komponen ini diukur berdasarkan beberapa indikator. Indikator kerohanian diukur berdasarkan kesedaran beragama seperti kepercayaan, amalan dan tatacara kehidupan (Razak, 2015). Indikator pengetahuan pula diukur dari aspek pencapaian akademik, kecintaan serta kesungguhan terhadap ilmu (Lan Nguyen et al. 2018; Zahrin et al. 2019). Selain itu, indikator kerjaya pula dikesan melalui indikator seperti persepsi terhadap kerjaya, sikap bekerja, dan potensi

pengembangan kerjaya (Selvanathan et al. 2016). Seterusnya, bagi aspek undang-undang ia dilihat melalui aspek pengetahuan dan kesedaran terhadap keselamatan dan undang-undang (Fuad, 2019; Yusof, Yahya & Mohamad 2015). Manakala kepimpinan dan tanggungjawab pula dinilai berdasarkan sifat kepimpinan, yakin diri dan proaktif (Sabri & Fuad, 2016).

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk kajian tinjauan dan data dikumpul melalui borang soal selidik menggunakan platform *Google Forms*. Responden kajian telah dipilih secara persempal rawak mudah terdiri daripada 110 orang belia yang merupakan warganegara Malaysia dan berumur antara 18-40 tahun. Had penetapan saiz responden berdasarkan rujukan kepada formula dan jadual penentuan saiz sample Krejcie dan Morgan (1970). Borang soal selidik yang telah digunakan menggunakan instrumen penilaian yang telah diadaptasi dari soal selidik Siti Marliza Ibrahim (2012) dan Mahzir et al. (2016). Keseluruhannya terdapat 5 konstruk dalam soal selidik penilaian ini iaitu (a) kualiti kerohanian- 6 item (b) kualiti kepimpinan dan tanggungjawab sosial- 9 item (c) kualiti pengetahuan akademik -10 item (d) kualiti kerjaya, -9 item dan (e) kualiti undang-undang -5 item. Dengan menggunakan instrumen ini, responden memberikan respon terhadap kesemua 39 item berdasarkan skala nisbah (Skala Likert) iaitu iaitu sangat tidak setuju (STD), tidak setuju (TS), neutral (N), setuju (S) dan sangat setuju (SS).

Maklumat demografi seperti jantina, lokasi dan taraf pendidikan juga turut ditanya dalam soal selidik ini. Nilai Cronbach's alpha bagi instrumen penilaian guru ini adalah 0.79 yang mana ia menepati syarat sah kesahan sesuatu instrumen yang dinilai. Analisis deskriptif dibuat dengan menggunakan perisian SPSS versi 22.0 merangkumi kekerapan, purata dan sisihan piawai. Manakala ujian t dan ujian ANOVA sehalu serta korelasi digunakan bagi mendapatkan perbezaan signifikan dan hubungan antara faktor jantina, lokasi dan taraf pendidikan. Berkaitan prosedur kajian ini, penyediaan soal selidik dibuat dengan mendapatkan kesahan pakar terlebih dahulu. Kemudian soal selidik dibina di platform *Google Forms* dan disebarkan melalui medium-medium sosial atas talian seperti *WhatsApp* dan *Facebook*. Setelah selesai data diambil, analisis data dilakukan.

Interprestasi tahap kualiti modal insan dalam kalangan belia telah diambil daripada Jamil Ahmad (2002). Skor min dinilai berdasarkan jadual di bawah:

Skor Min	Tahap
3.67-5.00	Tinggi
2.34-3.66	Sederhana
1.00-2.33	Rendah

Jadual 2: Tafsiran min skor

Manakala interpretasi korelasi faktor demografi dengan tahap kualiti modal insan dalam kalangan belia telah diambil daripada Rosli (1998). Nilai korelasi dinilai berdasarkan jadual di bawah:

Nilai Pekali, r	Tahap Kekuatan Hubungan
0.01-0.09	Korelasi yang sangat lemah
0.10-0.29	Korelasi yang lemah
0.30-0.49	Korelasi sederhana kuat
0.50-0.69	Korelasi yang kuat
0.70 dan ke atas	Korelasi yang sangat kuat

Jadual 3: Tafsiran nilai pekali

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden - Jantina, lokasi, dan taraf pendidikan

Seramai 110 orang responden telah menjawab soal selidik ini melalui platform *Google Form*. Berdasarkan data yang diperolehi, seramai 29 orang belia lelaki dan 81 orang belia perempuan yang telah menjawab soal selidik ini. Bagi data berkenaan lokasi belia, 78 orang belia sedang mendiami lokasi bandar manakala sebanyak 32 orang belia sedang mendiami lokasi luar bandar. Seterusnya, data berkenaan taraf pendidikan menunjukkan terdapat 13 orang responden memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 10 orang belia memiliki diploma, 68 orang belia memiliki ijazah sarjana muda, 17 orang belia mempunyai ijazah sarjana dan 2 orang belia memiliki ijazah doktor falsafah (PhD). Peratusan menunjukkan belia yang mempunyai ijazah sarjana muda merupakan responden majoriti dalam kajian ini dengan 61.8 peratus manakala belia yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah merupakan golongan minoriti dalam kajian ini dengan 1.8 peratus.

Demografi		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	29	26.4%
	Perempuan	81	73.6%
Lokasi	Luar Bandar	78	70.9%
	Bandar	32	29.1%
Taraf Pendidikan	SPM	13	11.8%
	Diploma	10	9.1%
	Ijazah Sarjana Muda (Degree)	68	61.8%
	Ijazah Sarjana (Master)	17	15.5%
	Doktor Falsafah (PhD)	2	1.8%
	Jumlah	110	100%

Jadual 4: Maklumat demografi responden berdasarkan jantina, dan taraf pendidikan

Tahap Kualiti Modal Insan Dalam Kalangan Belia

Dalam bahagian ini, tahap kualiti modal insan telah dibahagikan kepada lima konstruk yang merangkumi kerohanian, kepimpinan sosial, pengetahuan akademik, kerjaya dan undang-undang.

Tahap Kualiti Modal Insan Dalam Aspek Kerohanian

Hasil analisis secara keseluruhan terhadap tahap kualiti modal insan dalam aspek kerohanian menunjukkan nilai $M=4.84$ dengan sisihan piawai $=0.297$. Oleh yang demikian, tahap kualiti modal insan dalam aspek kerohanian dalam kalangan belia menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Daripada jadual ini juga dapat dilihat bahawa nilai min tertinggi bagi tahap kualiti modal insan dalam aspek kerohanian dalam kalangan belia ialah pada item “saya mengakui bahawa Tuhan adalah Pencipta dan saya sedar saya hanya hamba kepada-Nya.” dengan $M=5.00$ manakala bagi nilai min yang paling rendah ialah pada item “cara hidup dalam masyarakat menjadi panduan untuk saya melakukan perkara yang berakhlak.” dengan $M=4.62$.

Konstruk kualiti kerohanian	1 STD	2 TD	3 N	4 S	5 SS	Min	Sisihan Piawai
Saya mengakui bahawa Tuhan adalah Pencipta dan saya sedar saya hanya hamba kepadaNya.	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	110 100%	5.00	0.00
Ilmu agama mengajar saya membezakan kebenaran dan kepalsuan.	0 0.91%	0 0%	0 0%	2 1.82%	107 97.27%	4.93	0.44
Saya berusaha melakukan apa yang diperintahkan oleh agama dan meninggalkan laranganNya.	0 0%	0 0%	0 0%	6 5.45%	104 94.55%	4.95	0.23
Setiap perbuatan saya berlandaskan kepada suruhan,peraturan, undang-undang, nilai dan etika dalam ajaran agama saya.	0 0%	0 0%	4 3.64%	16 14.55%	90 81.82%	4.78	0.50
Kehidupan beragama ditekankan di rumah sejak kecil.	1 0.91%	0 0%	1 0.91%	14 12.73%	94 85.45%	4.81	0.53
Cara hidup dalam masyarakat menjadi panduan untuk saya melakukan perkara yang berakhlak.	1 0.91%	0 0%	8 7.27%	22 20%	79 71.82%	4.62	0.70
Jumlah						4.84	0.29

Jadual 5: Tahap Kualiti Modal Insan Dalam Aspek Kerohanian

Tahap Kualiti Modal Insan Dalam Aspek Kepimpinan Sosial

Dapatan keseluruhan terhadap tahap kualiti modal insan dalam aspek kepimpinan sosial menunjukkan nilai $M=4.15$ dengan sisihan piawai= 0.58 . Oleh yang demikian, tahap kualiti modal insan dalam aspek kepimpinan sosial dalam kalangan belia menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Daripada jadual ini juga dapat dilihat bahawa nilai min yang tertinggi bagi tahap kualiti modal insan dalam aspek kepimpinan sosial ialah pada item “Saya menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin adalah satu ibadah dalam perhubungan sesama manusia.” dengan $M=4.55$ manakala nilai min yang paling rendah ialah pada item “Saya lebih suka menjadi pemimpin/ketua daripada menjadi pengikut.” dengan $M=3.39$.

Konstruk kualiti kepimpinan dan tanggungjawab sosial	1 STD	2 TD	3 N	4 S	5 SS	Min	Sisihan Piawai
Saya boleh menjadi pemimpin dalam sesebuah aktiviti atau semasa melaksanakan kerja berkumpulan.	2 0%	2 0%	18 12.9%	51 35.5%	29 51.6%	4.07	0.85
Saya lebih suka menjadi pemimpin/ketua daripada menjadi pengikut.	3 2.7%	10 9.1%	54 49.1%	27 24.5%	16 14.5%	3.39	0.94
Saya berani mengambil risiko terhadap sesuatu tindakan atau keputusan yang dibuat.	1 0.9%	1 0.9%	19 17.3%	54 49.1%	35 31.8%	4.10	0.78
Apabila diberi tanggungjawab yang sukar saya akan berusaha mencari penyelesaiannya.	0 0%	1 0.9%	5 4.5%	46 41.8%	58 52.7%	4.46	0.63
Saya menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin adalah satu ibadah dalam perhubungan sesama manusia.	1 0.9%	0 0%	4 3.6%	37 33.6%	68 61.8%	4.55	0.63
Ibu bapa sering mengingatkan saya bahawa saya perlu menjadi pemimpin kepada perubahan diri saya sendiri.	1 0.9%	1 0.9%	13 11.8%	32 29.1%	63 57.3%	4.41	0.80
Para ilmuan sentiasa mengingatkan saya bahawa membantu orang lain adalah tanggungjawab saya sebagai pemimpin.	1 0.9%	1 0.9%	8 7.3%	33 30.0%	67 60.9%	4.49	0.75

Saya sering diberi kepercayaan oleh rakan-rakan untuk menjadi pemimpin dalam mana-mana tugas atau aktiviti.	3 2.7%	4 3.6%	21 19.1%	39 35.5%	43 39.1%	4.05	0.99
Tindakan yang diambil terhadap salah laku golongan belia melalui peraturan dalam masyarakat mempengaruhi kepimpinan saya.	5 4.5%	5 4.5%	28 25.5%	39 35.5%	33 30.0%	3.82	1.06
Jumlah						4.15	0.58

Jadual 6: Tahap Kualiti Modal Insan Dalam Aspek Kepimpinan Sosial

Tahap Kualiti Modal Insan Dalam Aspek Pengetahuan Akademik

Dapatan keseluruhan terhadap tahap kualiti modal insan dalam aspek pengetahuan akademik menunjukkan nilai $M=4.74$ dengan sisihan piawai=0.31. Oleh yang demikian, tahap kualiti modal insan dalam aspek pengetahuan akademik dalam kalangan belia menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Daripada jadual ini juga dapat dilihat bahawa nilai min yang tertinggi bagi tahap kualiti modal insan dalam aspek pengetahuan akademik ialah pada item “Ilmu pengetahuan amat penting dalam kehidupan manusia.” dengan $M=4.95$ manakala nilai min yang paling rendah ialah pada item “Saya mempunyai ramai rakan dari pelbagai bidang ilmu yang sentiasa membantu meningkatkan ilmu pengetahuan.” dengan $M=4.53$.

Konstruk kualiti pengetahuan akademik	1 STD	2 TD	3 N	4 S	5 SS	Min	Sisihan Piawai
Ilmu pengetahuan amat penting dalam kehidupan manusia.	0 0%	0 0%	0 0%	6 5.5%	104 94.5%	4.95	0.23
Sesungguhnya saya sedar bahawa menuntut ilmu merupakan tanggungjawab ibadah kepada Tuhan.	0 0%	0 0%	1 0.9%	12 10.9%	97 88.2%	4.87	0.36
Saya mengetahui bahawa penguasaan ilmu itu penting untuk memajukan diri dan menjadi orang yang berakhlak.	0 0%	0 0%	0 0%	14 12.7%	96 87.3%	4.87	0.33
Saya mengetahui insan yang berkualiti itu bukan semata-mata berjaya dalam pelajaran malah	0 0%	1 0.9%	1 0.9%	11 10.0%	97 88.2%	4.85	0.45

perlu mempunyai akhlak dan keimanan.

Saya yakin dengan ilmu pengetahuan yang telah dipelajari dan diperoleh sebelum ini membolehkan saya mencipta kejayaan dalam kehidupan.	0 0%	1 0.9%	5 4.5%	16 14.5%	88 80.0%	4.74	0.59
Keluarga merupakan sumber pendorong yang banyak membantu saya dalam meningkatkan ilmu pengetahuan.	0 0%	1 0.9%	3 2.7%	23 20.9%	83 75.5%	4.71	0.56
Saya berminat meningkatkan ilmu pengetahuan melalui majlis-majlis keilmuan yang diadakan di komuniti tempat tinggal saya.	0 0%	1 0.9%	7 6.4%	32 29.1%	70 63.6%	4.55	0.66
Saya mempunyai ramai rakan dari pelbagai bidang ilmu yang sentiasa membantu meningkatkan ilmu pengetahuan.	0 0%	1 0.9%	11 10.0%	27 24.5%	71 64.5%	4.53	0.71
Guru sebagai salah satu sumber ilmu pengetahuan dalam kehidupan saya.	0 0%	1 0.9%	3 2.7%	15 13.6%	91 82.7%	4.78	0.53
Saya dapat meningkatkan pengetahuan melalui medium media sosial.	0 0%	1 0.9%	4 3.6%	35 31.8%	70 63.6%	4.58	0.61
Jumlah						4.74	0.31

Jadual 7: Tahap Kualiti Modal Insan Dalam Aspek Pengetahuan Akademik

Tahap Kualiti Modal Insan Dalam Aspek Kerjaya

Dapatan analisis keseluruhan terhadap tahap kualiti modal insan dalam aspek kerjaya menunjukkan nilai $M=4.50$ dengan sisihan piawai=0.48. Oleh yang demikian, tahap kualiti modal insan dalam aspek kerjaya dalam kalangan belia menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Daripada jadual ini juga dapat dilihat bahawa nilai min yang tertinggi bagi tahap kualiti modal insan dalam aspek kerjaya ialah pada item “Saya sedar bahawa kerjaya bukan sekadar tanggungjawab terhadap diri malahan keluarga, masyarakat dan negara” dengan $M=4.88$ manakala nilai min yang paling rendah ialah pada item “Saya berkeyakinan dapat membina kerjaya saya sendiri sekiranya tidak diterima dimana-mana sektor pekerjaan.” dengan $M=4.16$.

Konstruk kualiti kerjaya	1 STD	2 TD	3 N	4 S	5 SS	Min	Sisihan Piawai
Saya sedar bahawa kerjaya bukan sekadar tanggungjawab terhadap diri malahan keluarga, masyarakat dan negara.	0 0%	0 0%	0 0%	13 11.8%	97 88.2%	4.88	0.32
Saya yakin akan memperolehi kejayaan dalam kerjaya dan kehidupan yang baik berbekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta tingkah laku yang baik.	1 0.9%	0 0%	0 0%	20 18.2%	89 80.9%	4.78	0.53
Organisasi saya bekerja banyak mendedahkan pekerja kepada bidang kerjaya melalui seminar, bengkel, pameran kerjaya, dan lain-lain.	1 0.9%	2 1.8%	19 17.3%	31 28.2%	57 51.8%	4.28	0.88
Saya tidak bergantung sepenuhnya untuk memperolehi pekerjaan di dalam sektor kerajaan ataupun swasta sahaja.	4 3.6%	3 2.7%	21 19.1%	23 20.9%	59 53.6%	4.18	1.07
Saya berkeyakinan dapat membina kerjaya saya sendiri sekiranya tidak diterima dimana-mana sektor pekerjaan.	4 3.6%	4 3.6%	15 13.6%	34 30.9%	53 48.2%	4.16	1.04
Saya bersedia mengikuti mana-mana kursus yang dianjurkan supaya dapat meningkatkan profesion saya kelak.	0 0%	0 0%	4 3.6%	32 29.1%	74 67.3%	4.64	0.55
Saya yakin bahawa kebolehan komunikasi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik merupakan faktor memperolehi kerjaya yang bersesuaian.	0 0%	0 0%	5 4.5%	23 20.9%	82 74.5%	4.70	0.55
Saya berpuas hati dengan kerjaya yang diceburi sekarang kerana selari dengan tahap pendidikan saya.	1 0.9%	3 2.7%	14 12.7%	25 22.7%	67 60.9%	4.40	0.88
Jumlah						4.50	0.48

Jadual 8: Tahap Kualiti Modal Insan Dalam Aspek Kerjaya

Tahap Kualiti Modal Insan Dalam Aspek Undang-Undang

Dapatan keseluruhan terhadap tahap kualiti modal insan dalam aspek undang-undang menunjukkan nilai $M=4.59$ dengan sisihan piawai $=0.50$. Oleh yang demikian, tahap kualiti modal insan dalam aspek undang-undang dalam kalangan belia menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Daripada jadual ini juga dapat dilihat bahawa nilai min yang tertinggi bagi tahap kualiti modal insan dalam aspek undang-undang ialah item “Dengan mempelajari ilmu yang berkaitan dengan perlembagaan, saya dapat mempelajari hal-hal seperti hak asasi, perundangan dan pilihan raya serta hal-hal lain, ini dapat menjadikan saya lebih mencintai negara kita.” dengan $M=4.66$ manakala nilai min yang paling rendah ialah item “Saya yakin sekiranya mempelajari ilmu yang berkaitan dengan undang-undang rasuah dan pilihan raya dapat memberi manfaat kepada pengetahuan dan tingkah laku saya” dengan $M=4.50$

Konstruksi kualiti undang-undang	1 STD	2 TD	3 N	4 S	5 SS	Min	Sisihan Piawai
Saya merasakan bahawa setiap anggota masyarakat perlu memiliki pengetahuan asas berkaitan dengan perlembagaan dan undang-undang.	0 0%	0 0%	4 3.6%	34 30.9%	72 65.5%	4.62	0.56
Saya sentiasa patuh kepada segala tatacara, peraturan dan undang-undang.	0 0%	0 0%	10 9.1%	27 24.5%	73 66.4%	4.57	0.66
Saya berpendapat bahawa ilmu dan pengetahuan yang berkaitan dengan perlembagaan dan undang-undang dapat memberi nilai tambah kemahiran insaniah kepada diri.	0 0%	0 0%	7 6.4%	30 27.3%	73 66.4%	4.60	0.61
Saya yakin sekiranya mempelajari ilmu yang	1 0.9%	1 0.9%	10 9.1%	28 25.5%	70 63.6%	4.50	0.78

berkaitan dengan undang-undang rasuah dan pilihan raya dapat memberi manfaat kepada pengetahuan dan tingkah laku saya							
Dengan mempelajari ilmu yang berkaitan dengan perlembagaan, saya dapat mempelajari hal-hal seperti hak asasi, perundangan dan pilihan raya serta hal-hal lain, ini dapat menjadikan saya lebih mencintai negara kita	0 0%	0 0%	6 5.5%	25 22.7%	79 71.8%	4.66	0.58
Jumlah						4.59	0.50

Jadual 9: Tahap Kualiti Modal Insan Dalam Aspek Undang-Undang

PERBEZAAN SIGNIFIKAN TAHAP KUALITI MODAL INSAN BERDASARKAN JANTINA, LOKASI DAN TARAF AKADEMIK.

Hipotesis Kajian Mengenai Tahap Kualiti Modal Insan Berdasarkan Jantina:

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kualiti modal insan antara belia lelaki dan perempuan.

Jantina	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Nilai -T	Tahap Signifikan
Lelaki	29	4.55	0.39414	0.056	0.740
Perempuan	81	4.54	0.33537		

Jadual 10: Perbezaan Tahap Kualiti Modal Insan Berdasarkan Jantina

Berdasarkan jadual didapati nilai-t bagi perbandingan tahap kualiti modal insan bagi belia lelaki dan perempuan ialah $t=0.056$ dan tahap signifikan, $p=0.740$. Tahap signifikan ini lebih besar

daripada 0.05($p>0.05$). Oleh itu, hipotesis nul diterima. Jadi tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kualiti modal insan antara belia lelaki dan belia perempuan. Tahap kualiti modal insan tidak mempengaruhi faktor jantina lelaki dan perempuan.

Hipotesis Kajian Mengenai Tahap Kualiti Modal Insan Berdasarkan Lokasi

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kualiti modal insan di luar bandar dan bandar.

Lokasi	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Nilai -T	Tahap Signifikan
Bandar	78	4.50	0.36292	-2.233	0.286
Luar bandar	32	4.66	0.29055		

Jadual 11 Perbezaan Tahap Kualiti Modal Insan Berdasarkan Lokasi

Berdasarkan jadual didapati nilai-t bagi perbandingan tahap kualiti modal insan di bandar dan luar bandar ialah $t=-2.233$ dan tahap signifikan $p=0.286$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($P>0.05$). Oleh itu, hipotesis nul diterima. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kualiti modal insan dalam kalangan belia di bandar dan luar bandar. Tahap kualiti modal insan dalam kalangan belia tidak dipengaruhi oleh faktor lokasi bandar dan luar bandar.

Korelasi Faktor Demografi Dan Tahap Kualiti Modal Insan

Dalam analisis kajian faktor demografi pula, didapati wujudnya korelasi negatif yang sangat lemah dan tidak signifikan antara tahap kualiti modal insan dengan faktor jantina ($r=0.005$; $p=0.955$). Hal ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi tahap kualiti modal insan dalam kalangan belia. Kajian juga turut menunjukkan korelasi positif yang lemah tetapi signifikan antara lokasi dengan kualiti modal insan ($r=0.210$; $p=0.028$). Hal ini menunjukkan bahawa tahap kualiti modal insan akan meningkat jika mereka berada di lokasi yang berbeza. Kajian seterusnya menunjukkan adanya korelasi positif yang lemah dan tidak signifikan antara taraf pendidikan dengan kualiti modal insan ($r=0.119$; $p=0.214$) dalam kalangan belia. Hal ini menunjukkan tahap kualiti modal insan tidak ditentukan oleh taraf pendidikan seseorang belia.

Jadual 12: Korelasi Faktor Demografi Dengan Tahap Kualiti Modal Insan

Faktor-Faktor Demografi	Kualiti Modal Insan	
	Nilai Pekali, r	Nilai Signifikan, p
Jantina	-0.005	0.955

Lokasi	0.210	0.028
Taraf Pendidikan	0.119	0.214

PERBINCANGAN

Berdasarkan demografi responden dalam kajian ini, menunjukkan 68 orang belia yang terdiri daripada latar belakang ijazah sarjana muda merupakan responden yang mempunyai latar belakang pengajian yang tertinggi dari responden yang lain iaitu responden yang bertaraf pendidikan SPM, diploma, ijazah sarjana muda (degree), ijazah sarjana (master's) dan doktor falsafah (PhD). Justeru, daripada dapatan kajian ini, responden mempunyai latar belakang jantina, taraf pendidikan dan lokasi berbeza. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa latar belakang jantina dan taraf pendidikan tidak mempengaruhi tahap kualiti modal insan tetapi faktor lokasi mempengaruhi kualiti modal insan. Penyataan ini boleh dirujuk melalui Yussof et al. (2009) iaitu kerajaan memberi penekanan terhadap pelaburan modal insan di kawasan kurang maju dan luar bandar bagi mengatasi masalah kemiskinan dan mengurangkan jurang pendapatan dalam kalangan penduduk.

Dapatan kajian bagi tahap kualiti modal insan dalam aspek kerohanian di kalangan belia menunjukkan skor nilai min, $M=4.84$ yang memberi maksud tahap kualiti modal insan dalam aspek kerohanian di kalangan belia adalah berada pada tahap tinggi. Hal ini jelas menunjukkan, modal insan di Malaysia sudah terdedah dengan aktiviti kerohanian yang berlaku di Malaysia. Kesemua responden juga mengakui bahawa Tuhan adalah Pencipta dan mereka juga sedar bahawa mereka hanyalah hamba kepada-Nya yang ditunjukkan dengan skor peratus 100% bagi konstruk item ini. Terdapat 5.45% responden yang bersetuju dalam berusaha melakukan apa yang diperintahkan oleh agama dan meninggalkan larangan-Nya. Hal ini menunjukkan responden sedar tahap kerohanian dalam diri mereka dan mereka juga berazam untuk mencapai tahap kerohanian yang lebih tinggi.

Daripada dapatan ini juga terdapat 0.91% responden yang sangat tidak setuju dengan penyataan ilmu agama mengajar mereka membezakan kebenaran dan kepalsuan dan kehidupan beragama ditekankan di rumah sejak kecil serta cara hidup dalam masyarakat menjadi panduan untuk mereka melakukan perkara yang berakhlak. Oleh itu, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat belia yang masih merasakan ilmu agama tidak memainkan peranan dalam kehidupan dan terdapat pandangan mereka yang merasakan aplikasi pendidikan agama dalam keluarga dan masyarakat di Malaysia masih lagi pada tahap yang rendah. Oleh itu, pendidikan agama sebenarnya nilai yang sangat tinggi dalam membentuk peribadi seseorang. Hal ini kerana, pendidikan agama yang dipelajari dan dihayati dengan betul dan sebaiknya sememangnya mampu memberikan kesan positif kepada diri individu. Hal ini boleh dirujuk melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Ankabut ayat 45:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Maksudnya: Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar.

Justeru, apabila seseorang individu tidak melaksanakan solat dengan sempurna, ia melambangkan bahawa diri individu masih lagi mempunyai pengetahuan dan penghayatan agama yang masih rendah. Hal ini boleh dijelaskan lagi apabila seseorang individu sentiasa berusaha dalam mendalami ilmu agama, ia akan menjadikan individu sentiasa mengingati Allah dan menambahkan tahap keimanan mereka. Oleh yang demikian, apabila tahap keimanan yang tinggi dapat dicapai, perkara-perkara yang mungkar seperti zina, mencuri, merompak serta jenayah-jenayah yang lain dapat dihapuskan.

Dapatan ketiga dalam kajian ini menunjukkan tahap kualiti modal insan dalam aspek kepimpinan sosial di kalangan belia berada pada tahap yang tinggi dengan jumlah min $M=4.15$. Terdapat konstruk item iaitu “*Saya boleh menjadi pemimpin dalam sesebuah aktiviti atau semasa melaksanakan kerja berkumpulan.*” yang dijawab oleh responden dengan dengan dapatan dari skala likert menunjukkan neutral (N), setuju (S) dan sangat setuju (SS). Oleh itu dapat dilihat di sini bahawa aspek kepimpinan sosial di kalangan belia mampu dilakukan oleh mereka seperti pertubuhan NGO iaitu rakan muda dan lain-lain.

Dapatan kajian bagi aspek tahap kualiti modal insan dalam aspek kepimpinan sosial menunjukkan tahap yang tinggi. Walaupun tahap kualiti modal insan dalam aspek ini adalah tinggi namun terdapat belia yang masih lagi tidak yakin dalam kemampuan memimpin kepimpinan sosial. Hal ini boleh dirujuk dengan melihat pernyataan item yang masih mempunyai peratus responden yang menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju bagi item tersebut iaitu:

“Saya boleh menjadi pemimpin dalam sesebuah aktiviti atau semasa melaksanakan kerja berkumpulan”, “Saya lebih suka menjadi pemimpin/ketua daripada menjadi pengikut”, “Saya berani mengambil risiko terhadap sesuatu tindakan atau keputusan yang dibuat”, “Apabila diberi tanggungjawab yang sukar saya akan berusaha mencari penyelesaiannya”, “Saya menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin adalah satu ibadah dalam perhubungan sesama manusia”,

“Ibu bapa sering mengingatkan saya bahawa saya perlu menjadi pemimpin kepada perubahan diri saya sendiri”, “Para ilmuan sentiasa mengingatkan saya bahawa membantu orang lain adalah tanggungjawab saya sebagai pemimpin”, “Saya sering diberi kepercayaan oleh rakan-rakan untuk menjadi pemimpin dalam mana-mana tugas atau aktiviti”, “Tindakan yang diambil terhadap salah laku golongan belia melalui peraturan dalam masyarakat mempengaruhi kepimpinan saya”.

Justeru, peratus pandangan belia walaupun rendah, perlu difikirkan solusinya bagi memastikan belia mampu menjadi individu yang berkaliber dan berkualiti. Penekanan terhadap modal insan yang meletakkan kemahiran kepimpinan dalam situasi yang agak penting kerana dunia pekerjaan kini adalah semakin mencabar. Hal ini boleh dijelaskan lagi, melalui pernyataan Norman et al. (2017) bahawa majikan memerlukan tenaga kerja yang mempunyai kualiti intelektual yang tinggi serta mampu bekerjasama dalam menjalankan tugas. Apabila graduan mempunyai ciri

kepimpinan yang baik, mereka mampu menyelesaikan masalah dan berkebolehan melakukan kerja dalam kumpulan.

Seterusnya, tahap kualiti modal insan dalam aspek kerjaya dalam kalangan belia menunjukkan berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min $M=4.50$ “ iaitu boleh dilihat boleh dilihat dari skor pernyataan konstruk item iaitu:

“Saya sedar bahawa kerjaya bukan sekadar tanggungjawab terhadap diri malahan keluarga, masyarakat dan negara.”, “Saya bersedia mengikuti mana-mana kursus yang dianjurkan supaya dapat meningkatkan profesion saya kelak.” dan “Saya yakin bahawa kebolehan komunikasi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik merupakan faktor memperolehi kerjaya yang bersesuaian.”

Adalah berada dari skala likert neutral (N), setuju (S) dan sangat setuju (SS). Keputusan ini menunjukkan belia mengetahui nilai kerjaya dalam diri mereka dan mengetahui kepentingan dalam menjalani kehidupan seharian.

Tahap kualiti modal insan dalam aspek pengetahuan akademik dalam kajian ini berada pada tahap tinggi. Menerusi dapatan kajian, kesemua responden mengetahui akan kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan seharian. Daripada dapatan ini juga, keseluruhan responden menyatakan sangat setuju untuk mendapatkan ilmu dari pelbagai sumber seperti melalui majlis-majlis keilmuan yang diadakan di komuniti tempat tinggal responden, pelbagai rakan, guru dan media sosial. Keadaan ini menunjukkan suatu perkara yang sangat baik dalam meningkatkan tahap kualiti belia. Oleh itu, sumber ilmu pengetahuan yang diterima golongan belia perlulah dibimbing atau dipantau kerana ilmu pengetahuan mengandungi skop yang sangat luas. Perkara ini perlu ditekankan kerana, walaupun ilmu pengetahuan mampu dibimbing oleh guru dan rakan melalui sumber ilmu pengetahuan yang betul, ilmu pengetahuan yang didapati melalui medium media massa adalah sukar untuk dipantau kerana ilmu pengetahuan yang disediakan di media massa adalah berkonsepkan bebas iaitu golongan belia atau sesiapa sahaja boleh membuat pilihan dengan mudah untuk mendapatkan ilmu yang tidak baik atau ilmu yang bermanfaat.

Melalui kajian Amran dan Salleh (2015) dalam Azlina dan Che W Hashimi Rafsanjani (2018) menyatakan bahawa kewujudan budaya homoseksual terutamanya di dunia dan di Malaysia banyak dikaitkan dengan keadaan sosial dan peranan media massa. Hal ini demikian kerana, menurut Azlina dan Che W Hashimi Rafsanjani, ruang budaya internet boleh dilihat melalui aplikasi media sosial seperti Facebook yang menjadi platform penting bagi golongan ini untuk mencari kenalan baru sesama mereka di samping aplikasi-aplikasi yang diwujudkan bagi golongan gay dengan hanya dimuat turun melalui telefon pintar. Dapatan kajian dalam aspek ini juga menunjukkan keluarga memainkan peranan dalam sumber pendorong kepada golongan belia dalam menimba ilmu. Menurut Rohner, Ronald & Veneziano, (2001) dalam kajian (Baharom, 2006), ibu bapa merupakan individu yang paling hampir dengan anak-anak dan mereka merupakan individu yang mencorakkan perkembangan peribadi anak-anak dari peringkat kelahiran sehingga ke peringkat dewasa. Kenyataan ini boleh dilihat melalui sabda Rasulullah saw yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari iaitu:

“Tiap-tiap kanak-kanak itu dilahirkan dalam keadaan suci, maka ibu bapanyalah yang menjadikan ia Yahudi atau Nasrani atau Majusi.”

Hadis ini menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang penting bagi mencapai keberkesanan dalam pendidikan seseorang bermula dari zaman kanak-kanak lagi. Justeru, keadaan ini juga bersesuaian dengan peribahasa Melayu iaitu “melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

Seterusnya, aspek kualiti modal insan yang terakhir dikaji dalam kajian ini adalah dalam aspek undang-undang. Tahap kualiti modal insan yang dikaji dalam aspek ini adalah tinggi iaitu mencapai jumlah min $M=4.59$. Berdasarkan dapatan dan penilaian konstruk bagi aspek ini dapat diketahui bahawa aspek penilaian yang dinilai dalam aspek undang-undang ini memfokuskan ilmu pengetahuan tentang ilmu pengetahuan terhadap undang-undang. Perkara ini dinilai sama ada ilmu pengetahuan dalam aspek ini memberi manfaat kepada mereka dan adakah ia boleh memberi kesan kepada golongan belia dalam kehidupan. Justeru, jelas daripada dapatan ini menunjukkan golongan belia merasakan ilmu pengetahuan terhadap aspek undang-undang memberi kesan positif kepada tingkah laku dan sahsiah diri mereka. Hal ini menurut Jamilah Ahmad, Nurzali Ismail (t.th), info-info mengenai isu jenayah adalah berguna kepada belia. Oleh itu, menurut Siti Marliza (2012) dalam menghasilkan sumber manusia atau modal insan berkualiti, kesemua aspek gabung jalin antara pengetahuan, kemahiran, ketrampilan, personaliti perlu diterapkan menjadi satu ramuan supaya ciri-ciri modal insan kelas pertama dapat dibentuk.

KESIMPULAN

Berdasarkan semua dapatan yang telah didapati dalam kajian ini menunjukkan tahap kualiti modal insan dalam aspek kerohanian, kepimpinan dan tanggungjawab sosial, pengetahuan akademik, kerjaya dan undang-undang berada pada tahap yang tinggi iaitu skor min bagi tahap kualiti modal insan dalam aspek kerohanian menunjukkan nilai $M=4.84$, aspek kepimpinan sosial menunjukkan nilai $M=4.15$, aspek pengetahuan akademik menunjukkan nilai $M=4.74$, aspek kerjaya menunjukkan nilai $M=4.50$, aspek undang-undang menunjukkan nilai $M=4.59$. Oleh hal yang demikian, menerusi dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa tahap kualiti modal insan dalam aspek kerohanian menunjukkan nilai paling tinggi diikuti dengan tahap kualiti modal insan dalam aspek pengetahuan akademik, aspek undang-undang, aspek kerjaya dan aspek kepimpinan sosial. Justeru, kajian ini menunjukkan bahawa modal insan kini mempunyai elemen-elemen diri yang tinggi untuk kemajuan diri, agama, keluarga, masyarakat dan negara. Walaupun begitu, setiap belia perlu sentiasa memajukan aspek-aspek sendiri dalam diri dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai sebaik-baik contoh yang boleh dicontohi. Hal ini demikian kerana Rasulullah SAW pernah bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari iaitu:

Maksudnya: “Sesungguhnya aku (Nabi Muhammad) diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”

Sebagai konklusinya, kajian akan datang boleh dilakukan dengan membuat kajian yang melibatkan bilangan responden yang lebih ramai berserta penilaian umur responden. Selain itu, kajian yang menunjukkan bagaimana belia mengisi masa lapang mereka juga wajar dijalankan bagi menilai tahap usaha pembangunan diri mereka. Justeru, dengan usaha-usaha yang dilakukan mampu menjadikan modal insan di Malaysia terus berkualiti dan memberi manfaat kepada semua.

RUJUKAN

- Abdullah Muhammad Zin. 2017. Nilai kerohanian, jasmani perlu diseimbangkan. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2017/12/368422/nilai-kerohanian-jasmani-perludiseimbangkan> [10 Jun 2021].
- Ahmad Mohamad Said. 2007. Pembangunan Modal Insan: Konsep, Perkembangan, Cabaran Dan Implikasi. Dlm. *Pembangunan Insan Aspirasi dan Realiti*. Kolej Dar al-Hikmah: Selangor.
- Ahmad Zaharuddin Sani Sabri. 2016. Pemantapan Kepimpinan dalam Pembangunan Belia di Malaysia. *Journal on Leadership & Policy* 1: 39–47.
- Ahmad, A.R. 2006. *Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Human Resources Academy.
- Anuar Hasin & Norazman Alias, Z.D. 2021. Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian Di Era Covid-19: Satu Tinjauan Menurut Perspektif As-Sunnah. *7th International Prophetic Conference Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM*.
- Baron, A. 2011. Measuring human capital. *Strategic HR , Review* 10(2): 30–35.
- Dewan Bahasa & Pustaka. 2017.
- Dimov, D. 2017. Towards a qualitative understanding of human capital in entrepreneurship research. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research* 23(2): 210–227.
- Felicio, J.A., Couto, E. & Caiado, J. 2014. Human capital, social capital and organizational performance. *Management Decision* 52(2): 350-364.
- Habibie Hj Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad & Nurul Hudani Md Nawawi. 2018. Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja. *Asian Social Work Journal* 3(5): 18–24.
- Hamid, S.A. 2016. Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities* 1(1): 214–226.
- Hamidah Norman, Rohailin Zainon, Siti Zuraydah Md Jenil & Rusyda Yahya. 2017. Personaliti Graduan Yang Menjadi Tarikan Organisasi. *Journal of Business Innovation Jurnal Inovasi Perniagaan* 2(1): 53–61.
- Haryati Shafii, Sharifah Meryam Shareh Musa & Zakila Abd Rahman. 2009. Pembangunan Modal Insan Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Haryati. *International Conference on Human Capital Development (ICONHCD 2009), 25-27 May 2009, Kuantan, Pahang*, hal. 1– 8.
- Idris. 1977. *Pembangunan Negara Berteraskan Islam* Dlm. *Syed Omar Syed Agil (terj.), Islam dan Pembangunan*. Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.

- Ishak Yussof, Rahmah Ismail, Mohd Nasir Mohd Saukani & Norlinda Tendot Abu Bakar. 2009. Modal Insan dan Agihan Pendapatan Antara Wilayah di Malaysia. *Prosiding PERKEM IV*, hlm. 355–368. Kuantan, Pahang.
- Ismayilzade, A.A., Guliyeva, S., Teymurova, V., Azizova, R. & Chinara, A. 2021. The Impact of Covid-19 on The Quality of Human Capital for The Economic Development of Azerbaijan. *Journal of Eastern European and Central Asian Research* 8(1): 26–39.
- Jamilah Ahmad, Nurzali Ismail & Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir. (t.th). Belia dan isu jenayah masa kini di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*: 49–70.
- Jefridin Atan, Muhammad Hilmi Jalil & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai. 2017. Analisis Kepimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi Terhadap Pembangunan Modal Insan Di Malaysia. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*: 195–212.
- Kuzminov, Y., Sorokin, P. & Froumin, I. 2019. Generic and Specific Skills as Components of. *Foresight and STI Governance* 13(2): 19–41.
- Lan Nguyen, T.N., Hoa Vu, S., Pham, T.H. & Nguyen, V.C. 2018. The Impact of Faktors on Human Capital Quality: A Study of Economics Students in Vietnam. *The Journal of Social Sciences Research* 5(11): 1515–1529.
- Marfunizah Ma'dan, Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud. 2019. Importance of Human Capital Development and Competitiveness in Enhancing Competency Level Among Malaysia University Graduates: Literature Review. *Journal of Social Sciences and Humanities* 16(8): 1–15.
- Md Idris Mohd Rashid & Mohd Nawir Norita Azrini. 2012. Nilai Modal Insan Dalam Novel Sebagai Sumber Transformasi Identiti Belia Di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies* 6(11): 951–952.
- Mohammad Nizar Mahzir1, Nor Hayati Fatmi Talib & Nor Izzati Binti Mahd Nor. 2016. Penghayatan Islam Pelajar Semester Satu Sesi Jun 2015 Politeknik Mukah Sarawak. *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016*, hlm. 21-22.
- Mohd Khir, Azlina & Raksan, Che. 2018. Faktor keterlibatan belia dalam isu gay di Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Youth Studies* 18(7): 145–159.
- Mohd Mahadee Ismail, Mohd Sabri Md Nor & Zatul Himmah Adnan. 2019. Persepsi golongan belia terhadap 'Malaysia Baharu' dalam kerangka pembangunan komuniti di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 15(4): 274–287.
- N. A. Malik, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Fariza Md. Sham. 2019. Hubungan antara Cinta Ilmu, Muslim Cemerlang dan Modal Transformasi Insan: Pembinaan Model Menggunakan Analisis Persamaan Struktural. *Jurnal Hadhari* 11(1): 139–153.
- Nor Shela Saleha & Mohd Shafie Rosli. 2020. Tinjauan Literatur Sistematis: Interaksi Media Sosial Atas Talian dalam Kluster Pendidikan dan Pekerjaan. *Sains Humanika* 12(3): 53–65.
- Ornek, A. & Ayas, S. 2015. The relationship between intellectual capital, innovative work behavior and business performance reflection. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, hal. 1387-1395.

- Pigou, A.C. 1949. *A Study in Public Finance*. Macmillan: London.
- Razak, M.Z. 2015. Spiritualiti dan Kesejahteraan Insan : Motivasi Pencapaian Usahawan Berjaya Spiritualiti dan Kesejahteraan Insan : Motivasi Pencapaian Usahawan Berjaya di Kelantan. *Seminar Psikologi & Kemanusiaan*, hal. 603-613.
- Ruzian Markom, Zinatul Ashiqin Zainol & Nurhidayah Ahmad Fuad. 2019. Literasi perundangan media baharu dalam kalangan belia. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication* 35(3): 372-389.
- Selvanathan, M. a/l, Ali, A.J., Balasubramniam, S. a/p & Thanaraju, P. 2016. Kesan Sikap Pekerja Ke arah Kualiti Kerja Cemerlang. *Jurnal Kemanusiaan* 20: 130–146.
- Shuhairimi Abdullah. 2010. “Melestari Pembangunan Manusia Ke Arah Penjanaan Modal Insan: Satu Tinjauan Umum Menurut Perspektif al-Quran”. Dlm. Mohd Roslan Mohd Nor et al. (t.th). *Pembangunan Islam, Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam: Kuala Lumpur.
- Sima, V., Gheorghe, I.G., Subić, J. & Nancu, D. 2020. Influences of the industry 4.0 revolution on the human capital development and consumer behavior: A systematic review. *Sustainability (Switzerland)* 12(10).
- Siti Aisyah Ibrahim & Khadijah Abdul Razak. 2021. Pandemik Covid-19: Cabaran Dan Impak Dalam Pendidikan Islam Dan Pembelajaran Murid. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)* 1(1): 89–94.
- Siti Marliza Ibrahim. 2012. Kualiti pembangunan modal insan berminda kelas pertama di ILP Pasir Gudang Johor Bahru. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Faculty of Education.
- Sumner, W.D. 2018. Spirituality As a Human Resource Attribute To Facilitate Employee Engagement and Retention. Disertasi. University of Central Florida M.Ed. Valdosta State University.
- Wahid, A. 2017. Pembangunan Teras Modal Insan Dalam Adat Budaya Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu* 12: 11–17.
- Wasitah Mohd Yusof, Shahhanim Yahya, Mastura Mohammad, Mohd Rizal Mohd Sham & Shariffah Mamat. 2015. Indeks Belia Malaysia 2015 Dari Perspektif Belia Positif. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*: 1–8.
- Zafir Khan Mohamed Makhbul & Mohd Nazmy Abd Latif. 2017. Mengurus Modal Insan Dalam Industri 4.0 Ke arah Kecemerlangan Negara. *Journal of Social Sciences and Humanities* 16(6): 1–13